

TARIKH	ISNIN, 5 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	CABARAN INOVASI UPSI PUPUK MINAT DALAM BIDANG REKA CIPTA
M/S	38
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MOSTI



Chang Lih Kang bersama warga UPSI dan sebahagian peserta UIC2023 di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. (Foto ihsan UPSI)

Cabaran Inovasi UPSI pupuk minat dalam bidang reka cipta

Tanjung Malim: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) menyambut baik program Cabaran Inovasi UPSI 2023 (UIC2023) anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bertujuan memperkasakan budaya inovasi dalam kalangan masyarakat.

Menterinya, Chang Lih Kang, berkata pihaknya sentiasa membantu usaha mendokong agenda kerajaan dalam mengarusperdanakan inovasi seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan rakyat, selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2030.

“Pembudayaan inovasi dengan penyertaan aktif generasi muda sangat menggalakkan dan mem-

banggakan, kerana mereka adalah modal insan masa depan,” katanya ketika merasmikan program itu di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, di sini.

Acara berlangsung di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah padat dengan pelbagai forum selain pameran inovasi daripada 34 pempamer dan empat buah sekolah sekitar daerah ini.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata karnival berkenaan menghimpunkan ramai pakar rujuk dalam bidang pedagogi yang memberikan perkongsian untuk meningkatkan inovasi dalam bidang pendidikan.

Antaranya termasuklah Penge- tua Cemerlang, Sekolah Menengah

Kebangsaan Saujana Utama Sungai Buloh, Noor Hayati Embong dan Guru Cemerlang Sekolah Menengah Kampar, Aznin Awanis.

Dalam majlis sama, Lih Kang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Anugerah Emas Inovasi Terbaik kategori sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Nan Kaya; SK Perlok dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Felda Besout.

Sementara untuk kategori sekolah menengah, ia dimenangi SMK Bandar Behrang 2020.

Bagi kategori UPSI pula, kumpulan mahasiswa daripada pengajian Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) UPSI berjaya menggondol Anugerah Emas.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM